

21 SEP 2003

Abdullah-Ensiklopedia/I

ABDULLAH LANCAR ENSIKLOPEDIA DR MAHATHIR MOHAMAD

KUALA LUMPUR, 21 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini melancarkan "Encyclopedia of Dr Mahathir Bin Mohamad Prime Minister of Malaysia" (Ensiklopedia Dr Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia), di sini.

Dua versi ensiklopedia dalam bahasa Arab dan Inggeris itu merupakan kompilasi ucapan-ucapan serta idea penting Dr Mahathir mengenai isu-isu globalisasi, politik dan isu lain mengenai Malaysia dan Asia.

Ensiklopedia 10 jilid itu mengandungi ucapan-ucapan sejak beberapa tahun yang mencerminkan pandangan, kebimbangan dan idea Dr Mahathir mengenai pelbagai isu.

Pandangan beliau yang berterus-terang dan berani, mendalam, intelektual dan praktikal itu penting untuk umat Islam.

Ensiklopedia yang dilancarkan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) itu diusahakan oleh empat penerbit, dua daripadanya dari Kaherah dan Beirut manakala dua lagi merupakan penerbit tempatan.

Ensiklopedia itu boleh didapati di pasaran tempatan mulai esok dan di seluruh dunia selepas pelancaran rasmi di Universiti Oxford London Selasa ini.

Set ensiklopedia yang merupakan warisan tulisan Dr Mahathir sendiri kepada rakyat Malaysia dan dunia, bakal menjadi rujukan penting kepada cendekiawan, ahli sejarah, pembuat dasar dan mereka yang lain yang berminat dengan negara dan rantau ini.

Pada pelancaran itu, lebih 30,000 set ensiklopedia habis dijual.

Pada majlis itu, Abdullah turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara UIAM dan Dar Al Kitab Al Masri, salah satu daripada penerbit dari Kaherah.

-- BERNAMA

NER HS LAT